



AeU menawarkan program pengajian yang melengkapkan guru dari aspek **akademik, emosi dan mental** apabila berdepan dengan pelajar.

AeU tawar Pengajaran Pengajian Islam

» *Selaras keperluan pelajar peringkat rendah*

Stigma kekangan masa bagi golongan bekerjaya menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi bukan hanya berlaku pada mereka yang bekerja di sektor swasta, ia turut menjadi alasan bagi kakitangan kerajaan termasuk pendidik.

Jangkaan yang semakin tinggi terhadap pengetahuan dan teknik pedagogi guru memungkinkan pemilikan ijazah sebagai penanda aras baru dalam kerjaya guru serentak dengan usaha Bahagian Pendidikan Guru (BPG).

Sebelum ini melalui Sekolah Pendidikannya, Asia e University (AeU) memperkenalkan program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan pengkhususan Pengajian bahasa Melayu, Pengajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak. Pusat Pengajian Sastera, Kemanusiaan dan Sains Sosial (SAHUSS) AeU pula memperkenalkan program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dengan pengkhususan Pengajaran Pengajian Islam Peringkat Sekolah Rendah.

Tepati kehendak pasaran
Seperti mana guru perlu ada pelbagai kemahiran dalam menarik minat pelajar, program ini turut menawarkan subjek merangkumi kaedah pedagogi dan psikologi. Ia selaras keperluan memahami kehendak pelajar peringkat rendah agar ilmu itu lebih mudah disampaikan.

"Mengambil kira keperluan semasa, kami turut memasukkan subjek seperti Perkembangan Emosi dan Sosial Kanak-Kanak, Psikologi Pendidikan serta Kanak-Kanak dan Keperluan Istimewa. Ia bagi menyediakan guru agama yang siap siaga dari aspek akademik, emosi dan mental

apabila berhadapan dengan pelajar," ujar Dekan SAHUSS, Prof Dr Juhary Ali.

Pengetahuan mengenai bidang psikologi diyakini membantu guru untuk tampil lebih yakin, seterusnya dapat mengenali dan menguasai pelajar dengan lebih baik terutama untuk menarik minat mereka.

Laluan lebih fleksibel

Bagi guru agama yang memiliki diploma diiktiraf MQA sama ada Institut Pendidikan Guru (IPG) atau dari IPTA/IPTS, berpeluang memendekkan tempoh pengajian melalui pemindahan kredit bagi subjek relevan hingga maksimum 30 peratus dari nilai kredit keseluruhan.

Ini bermakna, guru dapat mengurangkan satu tahun tempoh pengajian berdasarkan pengambilan tiga subjek bagi setiap semester.

"Bagi yang tiada diploma dalam bidang pendidikan namun berminat mengikuti program ini, mereka boleh

memohon melalui Sistem Kemaskukan Terbuka (Open Entry System) iaitu memiliki PMR atau SPM dan berumur sekurang-kurangnya 21 tahun ketika permohonan dibuat," kata Juhary.

Dengan jadual kelas yang ditetapkan sekali dalam sebulan dan dijalankan di setiap negeri di Malaysia, pelajar tidak perlu khuatir perihal pembahagian masa kerana di AeU pembelajaran dikhususkan mengikut keperluan pelajar, tambah beliau.

Pengambilan pertama untuk program ini dilaksanakan pada sesi September 2013 dan pendaftaran untuk sesi pengajian Januari 2014 boleh dibuat secara bersemuka di kaunter pendaftaran di Jalan Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur; melalui wakil di Pusat Pengajian AeU di setiap negeri atau secara dalam talian di www.aeu.edu.my

Bagi memudahkan proses pembelajaran, AeU membuka pusat pengajian di seluruh Malaysia dan terletak di pusat bandar utama negeri atau daerah.

INFO

Asia e University (AeU)

© Maklumat lanjut berkenaan AeU, layari laman web: www.aeu.edu.my
© No telefon: 1-300-300-238.